PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2012

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan global adalah sederhana dalam keadaan pasaran kewangan yang bertambah baik

Pertumbuhan ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada suku pertama 2012. Meskipun pertumbuhan bertambah baik di AS, beberapa ekonomi di Eropah telah dilanda kemelesetan. Di Asia, aktiviti ekonomi terus berkembang meskipun pada kadar yang sederhana, disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang lebih perlahan pada suku tersebut. Permintaan dalam negeri terus menyokong aktiviti ekonomi.

Keadaan pasaran kewangan antarabangsa bertambah baik pada suku pertama namun masih mengalami turun naik. Pada permulaan separuh pertama suku tersebut, pasaran telah terjejas terutamanya ekoran kebimbangan pelabur yang makin nyata terhadap kemungkinan Greece gagal menyelesaikan masalah hutangnya. Namun, keyakinan pasaran selepas itu bertambah baik berikutan beberapa langkah dasar yang diambil oleh pemimpin EU. Ini termasuk persetujuan untuk menyediakan program bantuan penyelamat kedua bernilai €130 bilion untuk Greece dan pemuktamadan rancangan penyusunan semula hutang negara itu, serta penambahan dalam gabungan kapasiti pemberian pinjaman di bawah Kemudahan Kestabilan Kewangan Eropah (European Financial Stability Facility, EFSF) dan Mekanisme Kestabilan Eropah (European Stability Mechanism, ESM) daripada €500 bilion kepada €700 bilion. Pusingan kedua operasi pembiayaan semula jangka panjang European Central Bank pada bulan Februari turut menyediakan sokongan mudah tunai tambahan kepada bank dan mengurangkan ketegangan dalam pasaran kewangan. Namun, kesan langkah ini hanya sementara kerana menjelang akhir bulan Mac, turun naik pasaran kewangan wujud semula, didorong oleh kebimbangan yang timbul kembali berhubung dengan kemampanan fiskal di Portugal dan Sepanyol. Ketidakpastian yang menular dalam pasaran kewangan diburukkan lagi oleh risiko geopolitik yang makin meruncing di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA), yang mengakibatkan kenaikan ketara harga minyak pada suku tersebut.

Pada suku pertama, ekonomi **AS** meningkat lebih cepat pada 2.1% pada asas tahunan (S4 11: 1.6%). Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, ekonomi AS berkembang sebanyak 2.2% (S4 11: 3%), disokong oleh perbelanjaan dalam negeri swasta. Penggunaan meningkat susulan keadaan guna tenaga dan kekayaan kewangan bersih yang bertambah baik, pertambahan kredit, kadar tabungan yang lebih rendah dan keadaan cuaca yang baik. Namun, kadar pertumbuhan penggunaan masih dikekang oleh hutang isi rumah yang tinggi, pasaran perumahan yang lemah dan harga gasolin yang tinggi. Pelaburan tetap swasta berkembang lebih perlahan pada 1.4% (S4 11: 6.3%). Penguncupan dalam pelaburan bukan kediaman dan perbelanjaan modal yang makin berkurang dalam kelengkapan dan perisian mengimbangi peningkatan dalam aktiviti pembinaan rumah kediaman. Perbelanjaan Kerajaan adalah lebih rendah kerana kerajaan negeri dan tempatan yang mengalami kekangan fiskal, bertindak mengurangkan perbelanjaan dan bilangan pekerja. Inflasi meningkat dengan lebih perlahan pada 2.8% (S4 11: 3.3%) berikutan kesan asas yang lebih tinggi pada tahun sebelumnya.

Pada suku pertama, prestasi pertumbuhan di **kawasan euro** tidak berubah pada asas suku tahunan (S4 11: -0.3%) dan tahunan (S4 11: 0.7%). Prestasi pertumbuhan terus berbeza antara ekonomi dalam rantau ini dalam keadaan krisis hutang kerajaan yang masih belum selesai. Sementara Jerman mencatat pertumbuhan kukuh pada suku tersebut, aktiviti ekonomi di kawasan yang terjejas, termasuk Itali dan Sepanyol, terus merosot. Ini terutamanya disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih lembab dan keadaan sektor perbankan yang lemah. Perbelanjaan pengguna juga terus menurun memandangkan

pertumbuhan kredit dan sentimen sektor swasta kekal lemah. Pengangguran yang lebih tinggi dan langkah penjimatan tambahan yang dikenakan terhadap perbelanjaan fiskal dalam ekonomi yang terjejas melembapkan lagi aktiviti ekonomi dalam negeri. Inflasi menurun sedikit kepada 2.7% (S4 11: 2.9%), tetapi kekal tinggi berikutan kenaikan harga tenaga.

Ekonomi **UK** dilanda kemelesetan apabila KDNK benarnya menguncup sebanyak 0.2% (S4 11: -0.3%) pada asas suku tahunan. Pada asas tahunan, ekonominya tidak berubah pada suku pertama (S4 11: 0.5%). Aktiviti ekonomi yang lebih lembab ini sebahagian besarnya berpunca daripada penurunan berterusan dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Permintaan dalam negeri terus terjejas oleh langkah penjimatan fiskal, sentimen sektor swasta yang lemah dan harga pengguna yang tinggi. Kadar inflasi menurun dengan nyata kepada 3.5% (S4 11: 4.6%), memandangkan impak daripada kenaikan kadar cukai nilai ditambah pada bulan Januari 2011 semakin berkurang. Namun, kadar inflasi kekal melebihi sasaran bank pusat iaitu 2%.

Ekonomi **Jepun** pulih dengan nyata pada suku pertama apabila mencatat pertumbuhan sebanyak 2.7% pada suku pertama (S4 11: -0.5%). Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, ekonomi Jepun berkembang sebanyak 4.1% (S4 11: -1.1%). Eksport pula meningkat sebanyak 0.8% (S4 11: -2.4%) susulan peningkatan eksport kelengkapan pengangkutan dan penghantaran yang lebih tinggi ke AS pada bulan Februari dan Mac dalam keadaan terdapatnya penyusutan nilai yen. Di dalam negeri, perbelanjaan sektor isi rumah mencatat pertumbuhan yang positif, didorong oleh subsidi kerajaan untuk pembelian kereta cekap bahan api. Pendapatan boleh guna dan upah turut meningkat berbanding paras setahun yang lalu lantas menyokong pemulihan sederhana dalam penggunaan. Sentimen turut dirangsang oleh penubuhan Reconstruction Agency pada bulan Februari, yang menandakan sedikit sebanyak kemajuan dalam usaha pembinaan semula selepas bencana alam di negara itu. Harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) kembali positif pada 0.1% (S4 11: -0.1%) dalam keadaan harga tenaga yang meningkat.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
AS[1]	0.4	3.0	1.7	2.2[a]
Jepun[1]	-9.8	-1.1	-0.7	4.1[p]
Kawasan euro	2.4	0.7	1.5	0.0[a]
UK	1.6	0.5	0.7	0.0[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dasar monetari dalam ekonomi maju terus akomodatif, dan langkah selanjutnya diambil memandangkan prospek pertumbuhan kekal lemah. Di AS, **Federal Open Market Committee** (FOMC) mengekalkan julat sasaran bagi kadar federal funds pada 0-0.25% dan mengubah jangkaannya mengenai kadar faedah amat rendah yang dijangka berterusan, sekurang-kurangnya sehingga akhir tahun 2014, berbanding jangkaan sebelum ini mengenai kadar rendah sehingga pertengahan tahun 2013. FOMC turut mengumumkan penerapan sasaran inflasi pada 2%. Berlatarkan ketidakpastian yang makin memuncak dalam pasaran kewangan dan risiko yang lebih tinggi terhadap potensi pertumbuhan di kawasan euro, **European Central Bank** (ECB) mengekalkan kadar dasarnya pada 1% sambil pada masa yang sama memulakan pusingan kedua operasi pembiayaan semula tiga tahunnya pada bulan Februari. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan mudah tunai kepada sektor perbankan dan menyokong aktiviti pemberian pinjaman di rantau tersebut. **Bank of England** memperluas langkah pelonggaran kuantitatifnya dengan menambah saiz program pembelian aset pada bulan Februari sebanyak £50 bilion kepada £325 bilion, dan mengekalkan kadar dasarnya pada 0.5% memandangkan pemulihan ekonomi adalah sederhana. **Bank of Japan** (BoJ) juga mengumumkan beberapa langkah untuk memulihkan ekonomi dalam negerinya yang lemah. Ini termasuk menetapkan matlamat mencapai inflasi pada kadar rasmi 1%, menambah program pembelian asetnya sebanyak ¥10 trilion pada bulan Februari kepada ¥65 trilion, serta menambah skim pinjaman yang

menyasarkan industri pertumbuhan sebanyak ¥2 trilion kepada ¥5.5 trilion. Pada bulan April, BoJ turut melanjutkan tempoh baki kematangan bagi bon kerajaan Jepun yang akan dibeli di bawah Program daripada "satu hingga dua tahun" kepada "satu hingga tiga tahun". BoJ juga menambah program pembelian asetnya sebanyak ¥5 trilion menerusi pembelian bon kerajaan Jepun untuk menangani deflasi dan menyokong ekonomi agar kembali mencatat pertumbuhan yang mampan.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
RR China	9.7	8.9	9.2	8.1
Indonesia	6.5	6.5	6.5	6.3
Korea	4.2	3.3	3.6	2.8[a]
Singapura	9.1	3.6	4.9	1.6
China Taipei	6.6	1.9	4.0	0.4[a]
Hong Kong SAR	7.6	3.0	5.0	0.4
Thailand	3.2	-8.9[d]	0.1	0.3

[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Di **Asia**, permintaan dalam negeri pada amnya mampan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, akses kepada pembiayaan yang berterusan dan pendapatan yang meningkat dengan stabil. Namun, aktiviti ekonomi secara keseluruhannya telah terjejas oleh permintaan luaran yang makin perlahan. Ekonomi **RR China** berkembang pada kadar lebih perlahan iaitu 8.1% (S4 11: 8.9%), memandangkan aktiviti merentas sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan makin sederhana. Pertumbuhan ekonomi **Indonesia** menjadi sederhana sedikit, tetapi kekal teguh pada 6.3% (S4 11: 6.5%), disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh. Ekonomi **Korea** berkembang sebanyak 2.8% (S4 11: 3.3%), terutamanya disokong oleh penggunaan awam dan pemulihan dalam aktiviti pelaburan. Pertumbuhan di **Singapura** menjadi sederhana kepada 1.6% (S4 11: 3.6%) susulan penguncupan dalam aktiviti perkilangan yang turut disebabkan oleh asas yang tinggi pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan di **China Taipei** makin perlahan kepada 0.4% (S4 11: 1.9%) terutamanya ekoran penguncupan pelaburan dan eksport. **Hong Kong** pula mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana pada 0.4% (S4 11: 3.0%) berikutan prestasi eksportnya yang lembab. Di **Thailand**, pertumbuhannya bertambah baik kepada 0.3% (S4 11: -8.9%) berikutan permintaan dalam negeri yang pulih semula dan penguncupan eksport yang lebih perlahan.

Inflasi keseluruhan di rantau ini makin menurun berikutan kenaikan harga makanan yang lebih perlahan, walaupun masih pada paras yang tinggi pada suku tersebut. Ekoran ketidakpastian yang berterusan dalam ekonomi global dan tekanan inflasi yang lebih rendah, beberapa bank pusat di rantau ini mula mengubah tumpuan dasar ke arah menyokong pertumbuhan ekonomi. **Bangko Sentral ng Pilipinas** menurunkan kadar dasarnya sebanyak 50 mata asas dalam dua mesyuarat berturut-turut kepada 4%. **Bank Indonesia** juga menurunkan kadar faedah tanda arasnya sebanyak 25 mata asas kepada 5.75% pada bulan Februari. Dalam usaha untuk mengurangkan kesan banjir yang teruk terhadap ekonomi Thailand, **Bank of Thailand** menurunkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 3% pada bulan Januari. **Reserve Bank of India** mengurangkan kadar pinjaman utamanya sebanyak 50 mata asas kepada 8% pada bulan April – pengurangan kadar buat pertama kalinya dalam tempoh tiga tahun – untuk merangsang pertumbuhan dalam keadaan inflasi yang makin rendah. Ini berikutan keputusan Bank tersebut untuk mengurangkan keperluan nisbah rizab tunainya sebanyak 125 mata asas kepada 4.75% pada bulan Januari dan Mac untuk meredakan tekanan terhadap mudah tunai dalam sistem perbankan. **People's Bank of China** menurunkan nisbah keperluan rizab sebanyak 100 mata asas kepada 20% pada bulan Februari dan Mei untuk meningkatkan pemberian pinjaman bank dan menyokong pertumbuhan. **Monetary Authority of Singapore** (MAS) mengekalkan dasarnya untuk kenaikan nilai jalur dasar (policy band) S$NEER secara sederhana dan beransur-ansur. Namun, keluknya dinaikkan sedikit dan MAS kembali

menggunakan jalur dasar lebih kecil untuk menguruskan jangkaan terhadap inflasi, memastikan kestabilan harga jangka sederhana dan mengekalkan pertumbuhan pada kadar yang mampan.

Harga **minyak mentah**[1] terus meningkat pada suku pertama, dengan harga purata pada USD118 setong (S4 11: USD109 setong). Gabungan pelbagai faktor, termasuk ketegangan geopolitik di rantau MENA, kegiatan penghindaran risiko yang berkurang dan bermulanya musim sejuk telah memberikan tekanan menaik terhadap harga minyak lantas mencecah paras harga tertingginya dalam tempoh 11 bulan pada pertengahan bulan Mac. Namun, pada bulan April, trend harga minyak mentah berubah arah dan menurun meskipun masih pada paras melebihi USD100 setong susulan keyakinan yang makin teguh selepas perbincangan diadakan antara Iran dengan negara utama dunia. Pengumuman data ekonomi AS yang kurang menggalakkan turut menandakan bahawa keadaan permintaan masih lagi lemah. Pada 18 Mei, harga minyak mentah ditutup pada USD107.14 setong.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, kebanyakan mata wang utama dan mata wang Asia menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku tersebut, apabila kegiatan penghindaran risiko pada peringkat global semakin berkurang berikutan usaha menangani krisis hutang kerajaan mula membuahkan hasil dan ekonomi AS terus mencatat pemulihan yang sederhana. Yen Jepun terus teguh berbanding dengan dolar AS pada awal suku pertama susulan aliran mata wang selamat (safe haven flows). Namun, trend ini kemudian berubah disebabkan oleh sentimen pasaran yang bertambah baik dan langkah pelonggaran oleh BoJ. Pengumuman oleh FOMC pada bulan Januari untuk mengekalkan pendiriannya berhubung dengan dasar monetari yang amat akomodatif sehingga tahun 2014 juga memberikan galakan kepada pelabur agar kembali ke rantau ini untuk mencari aset dengan kadar hasil lebih tinggi, lantas terus menyokong penambahan nilai mata wang Asia. Namun, mata wang serantau menyusut nilai pada bulan Mac, terutamanya disebabkan oleh kebimbangan mengenai kekukuhan prospek pertumbuhan di RR China yang boleh menjejaskan permintaan bagi eksport ekonomi serantau.

Melangkah ke hadapan, krisis hutang kerajaan di Eropah kekal sebagai risiko kepada ekonomi global. Harga minyak yang tinggi secara berterusan, yang didorong terutamanya oleh ketegangan geopolitik, terus menambah ketidakpastian dalam persekitaran global. Walau bagaimanapun, pemulihan yang berterusan secara beransur-ansur di AS dijangka mencerahkan lagi prospek pertumbuhan global. Bagi Asia, walaupun kegiatan ekonomi mungkin terjejas oleh perkembangan luaran, pertumbuhan dijangka terus disokong oleh asas-asas ekonomi makro dalam negeri yang kukuh serta dasar yang fleksibel.

[1] Merujuk kepada niaga hadapan satu bulan Brent di Intercontinental Exchange (ICE)